

23 JUN 2002

Nik Aziz-Mahathir

TIDAK WAJAR SESIAPA PUN PERTIKAI KEIKHLASAN DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 23 Jun (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata tidak wajar mana-mana pihak mempertikaikan keikhlasan tindakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk meletakkan semua jawatan dalam Umno dan Barisan Nasional (BN).

Katanya tindakan Dr Mahathir itu mungkin untuk membolehkan golongan lebih muda menanggung semua jawatan itu.

"Ikhlas tidak ikhlas, itu barang dalam hati," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Sebelum ini, Ketua Penerangan PAS Pusat Azizan Abdul Razak mendakwa pengumuman peletakan jawatan oleh Perdana Menteri semalam sebagai sandiwara politik.

Azizan mendakwa Dr Mahathir sengaja berbuat demikian bagi membolehkan beliau memperolehi semula sokongan pemimpin dan anggota lain Umno selain rakyat selepas melakukan perubahan berhubung perkara yang berkaitan dengan hak bangsa Melayu.

Perdana Menteri membuat kenyataan mengejutkan negara pada akhir Perhimpunan Agung Umno di Kuala Lumpur semalam, yang disiarkan secara langsung menerusi televisyen, apabila mengumumkan keputusan meletakkan jawatan sebagai Presiden Umno dan Pengerusi BN tetapi menarik balik keputusannya itu selepas dirayu oleh anggota Majlis Tertinggi Umno.

Nik Aziz yang juga Mursyidul Am PAS berharap Perdana Menteri dapat bertahan dengan tekanan dan bebanan kerja apabila bersetuju memegang semula semua jawatan itu.

Beliau berpendapat Dr Mahathir wajar kekal sebagai Perdana Menteri bagi memimpin negara.

Nik Aziz bagaimanapun berharap Dr Mahathir dapat mengubah sedikit pendekatannya dan Umno dalam cara berbaik-baik dengan PAS serta tidak mengeluarkan kenyataan negatif mengenai PAS.

"Lebih baiklah kita bersahabat, boleh meringankan bebanan Datuk Seri (Dr Mahathir) sendiri kalau berbaik dengan PAS. Saya sendiri pun boleh terima untuk berbaik.

"Kalau pegang jawatan juga tetapi cara pemikiran masih macam itu juga, makin banyak masalah. Sudah jadi buah ejekan di kalangan parti pembangkang, dah letak (jawatan), tarik balik," katanya.

Nik Aziz berkata tidak ada gunanya PAS dan Umno terus "berperang" sekiranya kedua-dua parti itu dapat menerima Islam dengan sepenuhnya khususnya apabila Dr Mahathir sendiri mengumumkan bahawa Malaysia sebuah negara Islam.

"Tetapi kalau kita dok bertengkar sesama sendiri, dengan tak ada sebab logik, maka sengaja kita mencari beban," katanya.

Dr Mahathir berlepas untuk bercuti ke Eropah selama seminggu pagi ini.

-- BERNAMA

RAR NAK